

K-tangan UMS perlu terus hayati usaha budaya inovasi, kreatif

NST 02/11/2011 //

KOTA KINABALU: Adalah wajar bagi para kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk terus menghayati usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri. Dr. Kamaruzaman Ampon, berkata, ini kerana yang jelas amalan dan pembudayaan ini merupakan aspek yang dititikberatkan kerajaan.

"Ianya turut termaktub sebagai sebahagian daripada nilai-nilai asas yang menjadi pelengkap kepada empat tonggak utama kerjaya dalam usaha mencapai misi Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kali ke-2 yang diadakan di Kuliah Perdana 1, UMS di sini kelmarin.

Teks Ucapannya dibacakan oleh Pengarah UMS Kampung Antarabangsa Labuan, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang.

Dr. Kamaruzaman berkata, jika dahulu fokus lebih diberikan kepada penyelesaian masalah terhadap isu-isu utama yang dihadapi dalam jabatan, kini Konvensyen KIK lebih memberi ruang kepada warga organisasi untuk berinovasi dan menunjukkan daya kreativiti dalam menerbitkan idea-idea baru.

Ini katanya, tanpa mengganggu sesuatu isu atau masalah dalam jabatan, inovasi yang diberikan juga adalah tidak terhad kepada sesuatu bidang sahaja malah ia merentasi pelbagai bidang, negara dan bangsa.

Menurutnya, inovasi itu turut merangkumi kaedah untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Ia katanya, adalah hasil cetusan idea melalui pemikiran kritis dan kritikal sekaligus menjana keinovatifan dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

"Idea-idea ini pula boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, keadaan dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi," katanya.

Mengenai konvensyen itu, Dr. Kamaruzaman berkata, ianya merupakan platform yang terabik kepada semua Jabatan, Sekolah, Pusat, Institut dan Unit (JSPIU) dalam usaha untuk mengetengahkan hasil inovasi untuk dikongsi dan diaplikasi bersama.

Sehubungan itu, beliau yakin dan percaya usaha dalam KIK itu bukan sahaja dapat menyelesaikan pelbagai masalah kerja dan operasi yang wujud dalam rutin kerja harian. - **OLFII KAMARUDDIN LIUSIN (kamaruddin@newsabahtimes.com.my)**